



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Menulis Quran Dengan Rumi

A. Hanifah bin Haji Ahmad, Titi Serong Parit

Buntar Perak, bertanya: Saya selalu mendengar orang-orang tua berkata ayat Quran tidak boleh ditulis selain daripada tulisan Arab, tetapi saya ada membaca buku-buku yang di dalamnya banyak ayat Quran ditulis dengan huruf Rumi. Apa hukumnya menulis Quran dan hadith dengan huruf Rumi?

Jawab: Menulis nas Quran dan hadis dengan Rumi adalah haram dan membawa kepada murtad, kerana mengubah dan merosakkan lafaznya yang sebenar sebagaimana yang telah diturunkan oleh Allah Ta'ālā dan disabdakan oleh Rasul-Nya (SAW). Apatahlagi tidak ada suatu tulisan dalam dunia yang boleh membunyikan lafaz Quran dan hadis dengan betul melainkan huruf Arab kerana Quran dan hadis berbahasa Arab.

Sementelah pula menuliskan Quran dan hadis dengan tulisan Rumi, atau Cina, atau Tamil atau apa tulisan jua pun yang bukan tulisan Arab akan menghancurkan "Persatuan umat Islam", dengan itu bangsa-bangsa yang bertulisan Rumi akan ada Quran Ruminya, bangsa Cina Islam akan ada Quran Cinanya dan orang Tamil akan ada pula Quran Tamilnya, dan seterusnya. Pada hal bukanlah ini tujuan Islam. Umat Islam hanya satu. Satu Qurannya dan satu qiblatnya.

Sebabnya Kanak-kanak Diwajibkan Zakat

'Alī J.M. Besut Terengganu, bertanya: Apakah sebab zakat fitrah terkena kepada kanak-kanak pada hal zakat

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

ini satu rukun daripada rukun-rukun Islam yang lima yang diwajibkan kepada orang-orang yang baligh? Dari manakah punca hukumnya yang demikian?

Jawab: Kerana ada nas daripada Rasulullah shallā 'alaihi wa sallam yang memerintahkan supaya kanak-kanak dikeluarkan zakatnya. Perintah itu jelas di dalam Hadis Sahih riwayat Muslim:

"Qala 'Abdullah bin 'Umar anna Rasulullah shallā Allāh 'alaihi wa sallam faraḍa zakātu al-fithr min ramaḍān 'ala kullī nafṣ min al-muslimin hurrin au 'abdin rajūlin aw imra'atin saghīr aw kabīr.

Ertinya: "Abdullah ibnu Umar berkata bahawa Rasul Allah (S.A.W) telah memfardhukan zakat fitrah pada bulan Ramadhan atas tiap-tiap diri orang-orang Islam yang merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan, kecil atau besar".

Dan ada lain-lain hadis sahih yang menunjukkan zakat fitrah diwajibkan di atas kanak-kanak Islam sebagaimana orang-orang dewasa.

Soal Keluar Masuk Penduduk Malaya

A. Hartono bin Sastrosumarjo, Parit Mukim 14 Simpang Kiri Batu Pahat, bertanya: Apa sebab orang-orang Jawa di Malaya dibenarkan pulang ke negeri Jawa dan orang Jawa dari negeri Jawa tidak dibenarkan datang ke Malaya?

Jawab: Orang-orang Jawa yang disekat masuk ke Malaya ialah kerana mereka rakyat Indonesia. Kalau mereka